

16 APR 1996

Pusat Islam - Perkhidmatan

PERKHIDMATAN BERSAMA JABATAN AGAMA DIPERKENALKAN

PULAU PINANG, 16 April (Bernama) -- Pusat Islam akan memperkenalkan sistem perkhidmatan bersama antara Jabatan-jabatan Agama Islam di seluruh negara sebagai usaha menyelaraskan perkhidmatan pegawai agama, kata Ketua Pengarah Pusat Islam Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Katanya, menerusi sistem itu semua pegawai jabatan agama akan menikmati skim jawatan yang sama berdasarkan gred perkhidmatan masing-masing, peluang kenaikan pangkat yang lebih meluas dan pertukaran jawatan ke negeri lain.

Sistem perkhidmatan berkenaan akan dilaksanakan tidak lama lagi dan cadangan mengenainya telahpun dipersetujui oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, katanya kepada pemberita selepas menghadiri perasmian persidangan para pegawai agama di sini malam tadi.

Pada masa kini, pentadbiran jabatan agama terletak di bawah bidang kuasa kerajaan-kerajaan negeri.

Beliau berkata, sistem itu juga bertujuan menyelaraskan pengurusan pentadbiran jabatan-jabatan agama negeri dengan mewujudkan jawatan Ketua Pengarah dan sebuah ibu pejabat.

"Pengurusan pentadbiran di jabatan-jabatan agama di seluruh negara perlu dipertingkatkan bagi memantapkan organisasi yang melaksanakan hal-ehwal Islam di negara ini," katanya.

Terdahulu itu, Timbalan Ketua Menteri Datuk Mohd Shariff Omar ketika merasmikan persidangan itu berkata, jabatan-jabatan agama Islam diminta agar lebih proaktif dalam menjalankan tugas untuk mempertingkatkan syiar Islam.

Katanya, setakat ini kegiatan dakwah yang dikendalikan oleh jabatan agama didapati masih longgar dan jabatan berkenaan kurang memberi tumpuan bagi membimbing dan menjalankan program kepada golongan remaja agar mereka lebih memahami sistem kekeluargaan Islam. -- BERNAMA

AA CR